

Penjawat Awam Perlu Beri Tumpuan Kepada Sistem Penyampaian - Muhyiddin Bernama
30 Oktober, 2012

LABUAN, 30 Okt (Bernama) -- Penjawat awam perlu sentiasa memberi penekanan terhadap sistem penyampaian dalam memastikan kerajaan mampu melaksanakan perkhidmatan dengan lebih berkesan terutama dalam menangani isu semasa.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata antara isu utama yang kini menjadi perhatian ialah pendidikan berkualiti, rasuah, menurunkan kadar jenayah, bebanan kos sara hidup, pembinaan kemudahan infrastruktur termasuk bekalan air bersih dan letrik, pengangkutan dan peningkatan pendapatan rakyat.

"Pencapaian yang telah kita capai dalam menangani isu-isu ini belum di tahap memuaskan dan masih banyak ruang untuk diperbaiki," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama penjawat awam di sini Selasa.

"Rakyat kita tidak seperti dahulu lagi, meskipun wajah tidak berubah, tetapi pemikiran telah berubah. Rakyat tidak lagi bertanya kepada wakil rakyat projek jalan raya tetapi lebih kepada peluang pekerjaan," katanya.

Sambil mengambil contoh Labuan yang berkembang pesat dengan kemudahan infrastruktur yang boleh dibanggakan dengan laporan terkini kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara kasar (KDNK) adalah tertinggi di negara ini, Muhyiddin berkata ia adalah hasil sumbangan penjawat awam.

"Pendapatan per kapita juga direkodkan mengatasi purata nasional iaitu RM30,000 tetapi Labuan RM38,000. Ini adalah ukuran kepada taraf hidup. Ini adalah prestasi cemerlang kepada penjawat awam itu sendiri," katanya.

Muhyiddin turut mengingatkan penjawat awam agar tidak mudah berpuas hati kerana jangkauan rakyat kini semakin tinggi dan tidak harus diketepi dan diabaikan.

Rakyat adalah penentu masa depan negara, oleh yang demikian kita harus memberi perkhidmatan kepada mereka. Kita adalah hamba yang bekerja kepada rakyat. Kami hanya menentukan dasar tetapi penjawat awam itulah yang melaksanakan dasar itu untuk kepentingan rakyat," katanya.

Muhyiddin berkata pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan untuk kepentingan rakyat, termasuk program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan 1Azam.

Beliau berkata kerajaan akan meneruskan usaha dalam memastikan pendidikan berada pada tahap yang membanggakan dan ini terbukti apabila kerajaan memperuntukkan RM360 juta bagi memartabatkan pendidikan negara.

"Kita mahu melihat kualiti pendidikan negara antara ketiga terbaik dunia. Kita belum berbangga dengan tahap pendidikan kita. Kita mahu melihat pendidik memiliki kemahiran tertinggi pemikiran [HOTS] dalam melahirkan generasi tenaga manusia yang cemerlang dan cerdik untuk negara," katanya.

Bagi merealisasikan usaha itu, semua pihak termasuk pendidik dan ibu bapa serta komuniti itu sendiri perlu melibatkan diri secara langsung, katanya.

Muhyiddin kemudian mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin Umno dan Barisan Nasional Labuan sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=705734>